

## TAWARAN MENDIAMI KOLEJ KEDIAMAN SESI JUN 2020 FASA KE DUA (2)

Siswa/i,

Perhatian kepada semua pelajar Politeknik Ibrahim Sultan, sukacita dimaklumkan senarai nama pelajar yang berjaya mendiami Kolej Kediaman bagi Sesi JUN 2020 telah dikeluarkan. **(Sila semak senarai nama yang dilampirkan). Bagi semua pelajar perempuan semester dua (2) sesi Jun 2020 anda ditawarkan penempatan di kolej kediaman secara automatik.** Pelajar-pelajar yang berjaya boleh membuat bayaran ke Kaunter Bank Islam dengan menjelaskan bayaran sepertimana berikut:

JENIS PEMBAYARAN	JUMLAH BAYARAN (RM)	BANK	BUTIRAN PEMBAYARAN	KAEDAH PEMBAYARAN
Yuran Asrama Pelajar (Lelaki)	60.00	Bank Islam Malaysia Berhad	POLITEKNIK KPT No. Akaun : <b>Hanya perlu memasukkan no. Kad Pengenalan Pelajar sahaja.</b>	ATM/CDM/Perbankan Internet BIMB ke BIMB sahaja
Yuran Asrama Pelajar (Perempuan)	630.00			

2. Untuk makluman, **pendaftaran kolej kediaman bagi pelajar senior adalah sepertimana ketetapan berikut:**

**Tarikh:** 30 September 2020/Rabu sehingga 8 Oktober 2020/Khamis  
**(tidak termasuk hari cuti Kelepasan Am iaitu pada 2 dan 3 Oktober 2020)**

**Masa:** i. 8.00 pagi – 4.30 petang (Ahad – Rabu)      **Tempat:** Kaunter Pejabat Kolej Kediaman Pelajar, PIS  
ii. 8.00 pagi – 3.00 petang (Khamis)

3. Pelajar dikehendaki melengkapkan **Borang Maklumat Peribadi Kolej Kediaman, Borang Daftar Masuk & Keluar Bilik Pelajar** dan **Borang Deklarasi Saringan Covid-19** yang boleh dimuat turun dari laman sesawang PIS dan sertakan bersama resit pembayaran (asal sahaja tidak perlu salinan) untuk dikemukakan ke Kaunter Pejabat Kolej Kediaman Pelajar semasa mendaftar masuk kolej kediaman. **Kegagalan untuk hadir pada tarikh tersebut akan menyebabkan Tawaran Menduduki Kolej Kediaman ini ditarik balik.**

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan amanah,

t.t

**(ROHANA BINTI HASHIM)**  
Pen. Pengurus Asrama N32,  
Kolej Kediaman Pelajar,  
Politeknik Ibrahim Sultan.